



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

26 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 565 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 215,079 kes. Sebanyak 16 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu lima (5) kes di daerah Kota Belud, dua (2) kes di Papar, Kota Kinabalu, Tuaran dan Sandakan manakala masing-masing satu (1) kes di Telupid, Kota Marudu serta Tawau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 820 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 204,633 orang. Manakala 1,787 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 686 orang di hospital, 1,069 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 31 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 89 orang merangkumi 81 di ICU/repurposed kritikal care serta lapan (8) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 25 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 112 (48.70%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga (satu) 1 daerah
- Zon Merah 26 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Sabah mencatatkan peningkatan (+115) kes berbanding semalam dengan jumlah kes baharu sebanyak (565) kes hari ini.
- b Jumlah daerah yang mencatatkan peningkatan kes agak tinggi iaitu sebanyak 20 daerah, cuma tujuh (7) daerah mencatatkan penurunan kes harian.
- c Lima (5) daerah mencatatkan peningkatan yang agak tinggi iaitu Beaufort (+30) kes, Kota Marudu (+25) kes, Keningau (+19) kes, Papar (+19) kes dan Beluran (+11) kes. Hanya dua (2) daerah mencatatkan penurunan signifikan iaitu Kinabatangan (-27) kes dan Tawau (-12) kes.
- d Jumlah kes melalui Saringan Bergejala kekal tinggi, yakni (213) kes atau 37.70% daripada kes keseluruhan. Jumlah yang tinggi ini harus menjadi peringatan sekali lagi agar semua penduduk tidak lalai dalam mematuhi semua SOP. Penarikan balik sekatan-sekatan tertentu kegiatan ekonomi dan sosial telah merancakkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan perjumpaan dan perhimpunan samada di tempat kerja atau di tempat awam. Ini meningkatkan risiko jangkitan virus secara sporadik.
- e Satu kluster baharu dilaporkan hari ini di Kg Kimolohing, Ranau. Kluster tersebut dicetuskan melalui majlis sambutan harijadi seorang penduduk (kes indeks) yang dihadiri oleh keluarga dan sahabat handai. Sambutan harijadi turut diadakan di rumah ahli keluarga lain yang dihadiri oleh kes indeks. Setakat ini 49 orang disahkan positif jangkitan COVID-19. Sehubungan dengan itu, orang ramai diseru untuk tidak lalai dan alpa menjaga SOP dalam melaksanakan keramaian seperti majlis keluarga dan pengebumian.

- f JKNS sentiasa berusaha memperkemaskan data kes harian melalui pengurusan kes-kes lewat daftar secepat mungkin. Hari ini jumlah kes yang lewat daftar telah berkurangan secara signifikan. Sebanyak 70.62% atau (399) kes daripada kes hari ini adalah kes yang berlaku dalam tempoh 24 jam yang lalu.
- g Dalam pada itu, 96.11% daripada keseluruhan kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, tiga (3) kes dalam Kategori 3, dua (2) kes dalam Kategori 4 dan dua (2) kes dalam Kategori 5. Sejumlah (15) kes lagi masih dalam penilaian JKNS.
- h Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (288) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	6	1.06%
2	Bergejala	213	37.70%
3	Kontak	288	50.97%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	58	10.26%
JUMLAH		565	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (25 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 25/10/2021	Catatan Kes 26/10/2021	Perbandingan
1	Beaufort	18	48	+30
2	Kota Marudu	13	38	+25
3	Keningau	30	49	+19
4	Papar	8	27	+19
5	Beluran	6	17	+11
6	Tambunan	10	19	+9
7	Tongod	0	8	+8
8	Lahad Datu	10	17	+7
9	Kota Kinabalu	43	49	+6
10	Sipitang	7	13	+6
11	Pitas	3	9	+6
12	Telupid	2	8	+6
13	Ranau	54	59	+5
14	Tenom	36	40	+4
15	Kudat	18	22	+4
16	Kunak	2	6	+4
17	Nabawan	2	6	+4
18	Sandakan	8	10	+2
19	Kuala Penyu	2	3	+1
20	Kalabakan	1	2	+1
21	Kinabatangan	33	6	-27
22	Tawau	17	5	-12
23	Kota Belud	64	55	-9
24	Tuaran	30	23	-7
25	Putatan	10	6	-4
26	Penampang	21	19	-2
27	Semporna	2	1	-1
JUMLAH		450	565	+115

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (12 Oktober – 25 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Ranau	1	25	13	0	20	59	576
Kota Belud	0	27	22	0	6	55	765
Kota Kinabalu	0	20	21	0	8	49	802
Keningau	0	34	14	0	1	49	510
Beaufort	2	34	10	0	2	48	418
Tenom	3	24	11	0	2	40	508
Kota Marudu	0	20	18	0	0	38	481
Papar	0	15	10	0	2	27	300
Tuaran	0	8	15	0	0	23	445
Kudat	0	7	11	0	4	22	429
Penampang	0	13	6	0	0	19	349
Tambunan	0	15	3	0	1	19	233
Lahad Datu	0	8	9	0	0	17	360
Beluran	0	11	5	0	1	17	208
Sipitang	0	7	5	0	1	13	178
Sandakan	0	2	8	0	0	10	219
Pitas	0	0	8	0	1	9	262
Telupid	0	1	7	0	0	8	109
Tongod	0	2	4	0	2	8	68
Kunak	0	5	1	0	0	6	64
Kinabatangan	0	2	2	0	2	6	255
Putatan	0	0	5	0	1	6	213
Nabawan	0	3	1	0	2	6	84
Tawau	0	0	4	0	1	5	200
Kuala Penyu	0	3	0	0	0	3	58
Kalabakan	0	2	0	0	0	2	23
Semporna	0	0	0	0	1	1	60
JUMLAH	6	288	213	0	58	565	8,177

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tenom	Kluster Alab Senagang	3
Beaufort	Kluster Kampung Batu 66	1
	Kluster Kampung Bawan	1
Ranau	Kluster Kimolohing	1
Jumlah		6

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Kimolohing - Ranau** adalah kluster jenis komuniti yang dipercayai berpunca daripada majlis hari jadi. Kes indeks merupakan lelaki tempatan, yang dikesan positif 100 % RTK Ag 100% pada 18 Oktober 2021. Berdasarkan siasatan awal, kes indeks mengadakan majlis sambutan hari jadi pada 12 hingga 14 Oktober 2021 di rumahnya. Kemudian pada 16 Oktober 2021, kes indeks juga menghadiri majlis hari jadi di rumah saudaranya. Selepas itu, indeks kes mula bergejala sejak 17 Oktober 2021 dan menjalani saringan pada hari berikutnya dan didapati positif. Justeru saringan kontak rapat telah dilakukan dan seramai 48 orang daripada lokaliti yang sama didapati positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 49 kes. Bagaimanapun, punca jangkitan sebenar masih dalam siasatan.

7 Jumlah kapasiti katil 6,298 unit

- Hospital 1,920 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,908 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 28.37%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 26 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	562
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
Jumlah	565

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	539
Bukan Malaysia	26
Jumlah	565

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	120
Belum Menerima Vaksin	77
Menerima 1 Dos	14
Lengkap 2 Dos	354
Jumlah	565

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	10
1 to 5	56
6 to 11	54
12 to 17	16
18 to 25	81
26 to 59	285
>60	63
Jumlah	565

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 26 Oktober 2021)
	Tiada PKPD	

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 25 Oktober 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 21,004 orang. Daripada jumlah ini, seramai 14,680 orang adalah penduduk dewasa dan 6,324 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 25 Oktober 2021 adalah seramai 2,407,802 orang. Ini meliputi 2,081,967 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.48% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,288,398 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,028,925 orang atau 73.55% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 325,835 orang atau 75.08% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 259,473 atau 58.79% orang setakat ini.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **659,057** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH,
PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,094 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak empat (4) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Satu (1) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 125 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 25 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 990 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu satu (1) di daerah Lahad Datu dan satu (1) di Penampang. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 553 premis perniagaan dan 786 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di New Nbee Hardware, Lido (1 Orang) dan Kedai Kasut Che Mei, Lido (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 291 Premis Perniagaan melibatkan 158 anggota APM. Satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 140 anggota di 170 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 14 premis, melibatkan sembilan (9) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 88 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 95 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.8%**Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Penampang	98.5%
2	Sipitang	98.5%
3	Kunak	98%
4	Kota Marudu	98%
5	Tenom	98%
6	Keningau	98%
7	Beaufort	98%
8	Tuaran	98%
9	Ranau	98%
10	Beluran	98%
11	Semporna	97.5%
12	Lahad Datu	97.5%
13	Kota Belud	97.5%
14	Sandakan	97.5%
15	Tawau	97.5%
16	Kota Kinabalu	97.5%
17	Papar	97.5%
18	Kudat	97%
19	Kinabatangan	97%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**